

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN  
DARIPADA : YB DR AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]  
TARIKH :  
SOALAN :**

**YB Dr Azman Bin Ismail [Kuala Kedah] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan garis panduan yang diguna pakai untuk menentukan ubat mana yang diberikan pengecualian GST.**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Sebanyak 4200 jenama ubat-ubatan telahpun diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia untuk diberikan Kadar Layanan Cukai Barangan & Perkhidmatan berkadar sifar (*zero rated*).

Bagi tujuan ini, ubat-ubatan tersebut dipilih merujuk kepada entiti kimia yang telah ditetapkan di bawah Senarai Ubat Penting Kebangsaan ataupun *National Essential Medicines List* (NEML) yang melibatkan 30 kumpulan terapeutik seperti rawatan untuk diabetis dan hipertensi, dan meliputi 320 entiti kimia seperti *metformin* bagi rawatan diabetis dan *metoprolol* bagi rawatan hipertensi.

## **Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman, NEML adalah senarai ubat-ubatan asas dan penting yang memenuhi keperluan penjagaan kesihatan majoriti penduduk, mudah untuk diperolehi dalam kuantiti yang mencukupi, didapati dalam bentuk dos yang bersesuaian, mempunyai kualiti yang dijamin serta harga yang mampu dimiliki oleh individu atau komuniti.

Selain itu, produk yang disenaraikan ini juga perlulah berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) atau mendapat kelulusan permit import seperti yang terdapat di dalam senarai tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL  
[ SUNGAI PETANI ]**

**RUJUKAN : 8075**

**SOALAN:**

**Dato' Johari bin Abdul [ Sungai Petani ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang menyerapkan anggota-anggota tentera yang berhenti awal daripada perkhidmatan tentera ke dalam PDRM dengan memberikan latihan khas dan kedudukan gaji yang setimpal kepada mereka agar anggota polis akan kelihatan lebih terlatih dan matang daripada segi umur dan pengalaman.

## **JAWAPAN:**

**PDRM telah melaksanakan pengambilan bekas tentera sejak tahun 2011 iaitu seramai 100 orang bekas tentera setiap tahun. Mereka dilantik ke Skim Perkhidmatan Pegawai Rendah Polis & Konstabel atau Skim Perkhidmatan Pegawai Rendah Polis & Konstabel Sokongan berasaskan kepada kelayakan kelulusan akademik calon. Pada tahun 2015, pengambilannya dijadual akan dilaksanakan pada bulan Ogos. Mereka akan melalui latihan asas kepolisan selama 3 bulan.**

**Kaedah Penetapan Gaji Permulaan bagi bekas tentera yang dilantik ke perkhidmatan PDRM adalah berasaskan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 2011 di mana ianya berdasarkan pengalaman calon seperti berikut:-**

- l) Calon yang mempunyai pengalaman yang relevan sepenuhnya dengan skop dan fungsi tugas yang akan disandang.**
  - Hadiah Pergerakan Gaji (HPG) ialah 1 Pergerakan Gaji Biasa bagi setiap genap 1 tahun pengalaman yang relevan.**

- ii) Calon yang tidak mempunyai pengalaman yang relevan sepenuhnya diberi pergerakan gaji berdasarkan kaedah berikut:-

<b>TEMPOH PERKHIDMATAN DI ATM (pengalaman tidak relevan)</b>	<b>HPG</b>
<b>Genap 2 tahun atau lebih tetapi kurang 4 tahun</b>	<b>1</b>
<b>Genap 4 tahun atau lebih tetapi kurang 7 tahun</b>	<b>2</b>
<b>Genap 7 tahun atau lebih tetapi kurang 10 tahun</b>	<b>3</b>
<b>Genap 10 tahun atau lebih tetapi kurang 14 tahun</b>	<b>4</b>
<b>Genap 14 tahun atau lebih tetapi kurang 18 tahun</b>	<b>5</b>
<b>Genap 18 tahun atau lebih</b>	<b>6</b>

- iii) Calon yang mempunyai kombinasi pengalaman relevan dan tidak relevan.
- Pemberian HPG ditetapkan melalui kombinasi HPG bagi pengalaman relevan dan tidak relevan.